

# 'Buku kecil mula diedar hari ini'

## Sebahagian siri penjelasan isu jambatan: Najib

Daripada Fazli Abdullah

**B**ANGKOK: Keputusan kerajaan untuk mengklasifikasikan semula dokumen rahsia mengenai pembatalan pembinaan jambatan indah bagi menggantikan Tambak Johor, yang diumumkan di Kuala Lumpur semalam, adalah satu daripada siri penjelasan kerajaan kepada rakyat mengenai isu itu dan yang berkaitan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ini adalah penjelasan kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Am (GBC) Malaysia-Thailand di sini, semalam.

Kenyataan JPM itu menghuraikan

segala surat-menyurat antara bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan Goh Chok Tong, untuk memberi fakta yang lengkap kepada rakyat agar mereka dapat memahami kenapa kerajaan membuat keputusan untuk membatalkan projek jambatan berkenaan.

Ini adalah kali kedua dalam sejarah negara di mana maklumat yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 diklasifikasikan semula dan diluluskan untuk tatapan masyarakat awam.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, buku kecil yang memberi penjelasan mengenai tindakan kerajaan membatalkan pembinaan jambatan indah menghu-

bungkan Johor Bahru dan Singapura, akan diedarkan mulai hari ini.

Beliau berkata, buku yang dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan memberi penjelasan terperinci berhubung keputusan kerajaan mengenai projek itu.

"Dokumen rasmi akan dikeluarkan oleh JPM esok (hari ini) kalau semuanya sedia," katanya ketika diminta mengulas berhubung penjelasan kerajaan berhubung isu berkenaan.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad membuat pelbagai dakwaan berhubung keputusan kerajaan untuk tidak meneruskan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.